

22 JUN 2002

Umno-Azalina (Gulung)

PUTERI UMNO TARIK LEBIH ANGGOTA DENGAN PENGIKTIRAFAN

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Ketua Penaja Puteri Umno Azalina Othman Said berkata pengiktirafan yang diberikan kepada Puteri Umno sebagai sayap baru Umno akan menarik lebih ramai golongan wanita mudadan profesional Melayu untuk menganggotainya.

"Percayalah pengiktirafan yang sebegitu besar lagi akan menarik lebih ramai lagi wanita muda dan profesional Melayu menyertai Puteri," katanya ketika menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno 2002 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Azalina berkata orang Melayu tidak seharusnya gentar menghadapi saingan terutama melalui isu-isu sistem meritokrasi, penambahan kuota 10 peratus untuk pelajar bukan Bumiputera di Maktab Rendah Sains Mara MRSM dan matrikulasi dan pelaksanaan pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris.

Menurutnya, sikap dan pendirian orang Melayu tidak sepatutnya dihantui oleh isu-isu sedemikian, sebaliknya perlu dianggap satu cabaran bagi membuktikan bahawa orang Melayu mampu mempunyai daya saing tinggi.

Azalina berkata Perdana Menteri yang juga presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, telah banyak membuka mata dan menyedarkan orang Melayu yang selama ini merasakan mereka selamat, lena dibuai subsidi dan bantuan kerajaan.

Katanya, orang Melayu lupa bahawa segala bantuan dan subsidi hanyalah satu langkah sementara dan sebaliknya menganggap semuanya adalah tanggungjawab yang mesti ditunaikan oleh kerajaan.

Menurutnya, walaupun ramai antara orang Melayu yang menempa kejayaan dalam bidang perniagaan, pendidikan, politik dan eksplorasi di peringkat tempatan dan antarabangsa, namun jumlahnya masih tidak mencukupi.

"Jumlahnya masih belum mencukupi jika dibandingkan usaha dan tenaga yang dicurahkan oleh presiden kita (Dr Mahathir)," katanya.

Puteri Umno sah menjadi entiti terbaru Umno selepas pindaan perlembagaan parti diluluskan Khamis lepas.

-- BERNAMA

WNZ AZZ MOZ